

19/12/1998

Eksport negara catat peningkatan

JUMLAH eksport negara bagi tempoh 10 bulan pertama tahun ini bernilai RM236.9 bilion iaitu melebihi jumlah eksport bagi tahun lalu yang bernilai RM220.9 bilion.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata industri berasaskan eksport yang mendapat faedah daripada nilai ringgit rendah memberi sumbangan ke arah peningkatan itu.

Sehubungan itu katanya, imbalan perdagangan mencatat defisit RM45 bilion tahun lalu manakala bagi tempoh 10 bulan pertama tahun ini, ada lebihan dagangan terkumpul RM44.527 bilion.

"Sebenarnya, jika import dan eksport semula barangan lambakan tidak dimasukkan, lebihan dagangan 10 bulan (1998) menjadi RM50.100 bilion," katanya pada majlis penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri 98 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, semalam.

Katanya, enam bulan pertama tahun ini terus menyaksikan sektor pembuatan secara umum terjejas oleh kegawatan terutama berikutan pelaksanaan dasar kewangan ketat.

Katanya, kajian aliran perindustrian dua kali setahun oleh Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (Mida) menunjukkan kegiatan menyederhana dalam sektor pembuatan bagi tempoh Januari-Jun 1998.

Ini kata beliau, berikutan kemerosotan nilai ringgit yang diluar jangkaan ketika itu serta turun naik, kemudian rejim tinggi kadar faedah.

Jumlah pengeluaran susut 0.3 peratus bagi tempoh itu disebabkan peningkatan pengeluaran dalam industri utama berasaskan eksport.

Rafidah berkata, bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini juga menyaksikan keupayaan pengeluaran yang tidak digunakan sepenuhnya oleh responden.

Katanya, industri peralatan jentera dan pengangkutan dilapor mempunyai purata keupayaan penggunaan hanya 49 peratus, kadar terendah dicatatkan berbanding 67 kajian terdahulu.

"Di kalangan 11 sektor industri yang dikaji, hanya industri berasaskan kimia, petroleum, plastik dan getah mencatat kadar keupayaan penggunaan 80 peratus dan ke atas dengan industri keluaran getah saja mencatat 81.5 peratus," katanya.

Bagaimanapun katanya, dengan pelbagai langkah diambil oleh kerajaan dalam tempoh suku ketiga tahun ini, wujud kesan positif dari segi keupayaan kepenggunaan.

(END)